



Headline: Dua kali ditipu, peniaga rugi RM18,480
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 13 December 2018

Language: Malay
Section: Sentral
Page: 22

Dua kali ditipu, peniaga rugi RM18,480

KUANTAN -Seorang peniaga barangan kraftangan di Bandar Jengka, Maran rugi RM18,480, apabila ditipu dua sindiket pinjaman tidak wujud dalam tempoh kurang sebulan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa berusia 39 tahun telah ditipu seorang ejen wanita untuk bertanyakan bagaimana cara untuk membuat pinjaman wang melalui sebuah syarikat yang kononnya beroperasi di Johor Bahru dalam kejadian pertama, pada 16 November lalu.

Menurutnya, mangsa bersetuju untuk membuat pinjaman wang selepas berbincang dan kemudian telah dihubungi seorang lagi suspek yang memperkenalkan diri sebagai 'Encik Hafiz'. "Suspek kedua itu meminta mangsa mengemukakan maklumat peribadinya iaitu gambar kad pengenalan, gambar sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan laporan akaun bank tiga bulan.

"Mangsa diminta untuk membayar bayaran insurans takaful sebanyak RM480 bagi tujuan pinjaman itu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Jelasnya, selepas



MOHD WAZIR

mangsa memasukkan bayaran itu, suspek sekali lagi meminta pelbagai bayaran termasuk untuk bayaran membuka akaun, bayaran guaman dan cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Mohd Wazir berkata, mangsa membayar semua bayaran yang telah diminta, namun suspek sekali lagi meminta mangsa membuat pembayaran bagi deposit penghantaran cek berjumlah RM6,000, tetapi dia tidak membuat pembayaran itu kerana rasa ditipu.

"Pada 6 Disember lalu, mangsa sekali lagi menerima panggilan daripada seorang wanita yang menawarkan pinjaman wang dan memberitahu syarikatnya boleh membantu dengan memberi pinjaman itu.

"Suspek meminta maklumat peribadi mang-

sa seperti sindiket yang sebelum ini iaitu maklumat kad pengenalan, sijil SSM, penyata akaun bank selama tiga bulan serta bil air rumah untuk proses pinjaman.

"Mangsa ternyata tidak serik apabila bersetuju untuk membuat pinjaman berkenaan sebelum membuat pembayaran berjumlah RM950 sebagai deposit. Namun selepas membuat pembayaran itu, suspek masih lagi meminta pelbagai bayaran sebelum pinjaman berkenaan dimasukkan ke dalam akaunnya," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Wazir berkata, selepas selesai mangsa memasukkan wang yang diminta, suspek mendakwa bahawa wang pinjaman berkenaan akan didepositkan ke dalam akaunnya, namun sehingga ke hari ini mangsa masih belum menerima wang itu.

"Mangsa kemudian membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Maran semalam (kelmarin).

"Mangsa didapati telah memindahkan wang ke enam akaun berbeza berjumlah RM18,480. Kita sudah mengambil keterangan mangsa dan kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.